

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April 1995

HZZ 202 Apresiasi Muzik Asia, Afrika dan Pasifik

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab **SEMUA** soalan. Dalam tiap-tiap soalan jawab soalan **[a]** **ATAU [b]**

1. **MUZIK AFRIKA**

[a] Irama ('rhythm') telah diperkembangkan kepada peringkat tinggi dalam muzik tradisional yang terdapat di kawasan tengah Afrika bahagian selatan Padang Pasir Sahara. Bincangkan jenis-jenis irama dan corak irama yang terdapat dalam muzik daerah ini, dan jelaskan jawapan anda dengan menggunakan corak-corak irama tertentu.

ATAU

[b] Bincangkan kedua-dua tradisi muzik kesenian dan muzik rakyat rumpun-rumpun bangsa yang terdapat di Afrika Utara dan berikan ulasan mengenai pengaruh-pengaruh yang terdapat di daerah ini. Tumpukan bincangan anda kepada instrumentasi ('color'), jenis-jenis bentuk, melodi dan irama yang digunakan.

[20 markah]

2. **MUZIK TIMUR TENGAH**

[a] Tradisi muzik kesenian Timur Tengah amat berakar dalam praktis tertentu sejak zaman kuno dan dalam teori tertulis sejak sekurang-kurangnya abad ke-8 Masihi. Nyatakan ahli-ahli teoris utama muzik kesenian Timur Tengah, naskah-naskah dan kontribusi-kontribusi mereka kepada pengetahuan muzikal di tradisi muzik kesenian Timur Tengah itu.

.../2

ATAU

[b] Di negara Turki muzik asli wujud dalam tradisi kesenian dan tradisi rakyat. Bincangkan bentuk-bentuk dan ciri-ciri gaya muzikal utama yang terdapat dalam kedua-dua tradisi itu.

[20 markah]

3. **MUZIK INDIA**

[a] Bincangkan secara terperinci konsep-konsep raga (rag) dan tala (tal) dalam kedua-dua tradisi muzikal Karnatak dan Hindustani di India. Nyatakan persamaan dan perbezaan dari segi teori dan amali mengenai konsep raga dan tala dalam kedua-dua tradisi muzikal itu.

ATAU

[b] Bincangkan ensembel-ensembel yang biasa terdapat dalam kedua-dua tradisi muzikal Karnatak dan Hindustani di India. Berikan contoh alat-alat tertentu yang digunakan, klasifikasi dan fungsi tiap-tiap alat itu dalam ensembel-ensembel yang tertentu.

[20 markah]

4. **MUZIK CINA**

[a] Selepas tahun 1912 muzik di negara Cina telah mengalami perubahan besar dalam sistem tiunan, bentuk-bentuk dan alat-alat yang digunakan, dan dalam dasar estetika dan falsafah bagi kewujudan muzik dalam masyarakat itu. Bincangkan perubahan-perubahan yang terdapat dalam kedua-dua muzik rakyat dan kesenian Cina daripada Zaman Republik (1912) kepada masa kini.

ATAU

[b] Orkestra istana yang sofistikated di negara Cina pada Zaman kuno merupakan asas bagi orkestra-orkestra istana di kedua-dua negara Korea dan Jepun yang masih diperdengarkan masa kini. Bincangkan tradisi orkestra dan muzik istana Korea dan Jepun, dengan menyatakan perhubungan-perhubungannya kepada model awal Cina dari segi (i) jenis-jenis muzik istana yang digunakan di Korea dan Jepun,

(ii) instrumentasi dan (iii) fungsi alat-alat muzik tertentu dalam kedua-dua orkestra Korea dan Jepun itu.

[20 markah]

5. MUZIK ASIA TENGGARA

[a] Banyak jenis dramatari yang terdapat di tanah besar Asia Tenggara diiringi oleh sesuatu jenis ensembel muzikal yang tertentu. Terangkan jenis ensembel ini yang digunakan dalam dramatari, dengan menyatakan nama ensembel-ensembel itu di negara-negara tertentu di tanah besar Asia Tenggara, dan fungsi alat-alat dalam tiap-tiap orkestra itu.

ATAU

[b] Konsep corak irama 'resultant' dan praktis memainkan corak irama yang bersifat 'interlocking' (juga dikenali sebagai 'shared rhythmic patterns') biasanya terdapat di seluruh kepulauan Asia Tenggara. Terangkan konsep-konsep ini dan bincangkan amalannya di kepulauan Asia Tenggara. Jelaskan jawapan anda dengan menggunakan contoh-contoh muzik daripada negara-negara Malaysia, Indonesia dan Filipina.

[20 markah]